

Nasional

Elaun praktikal 90 hari sahaja

**RM5 sejam
ikut peraturan
dalam surat pada
6 September**

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bayaran elaun sebanyak RM5 sejam kepada pelajar universiti yang menjalani latihan praktikal di institusi kera-

jaan, dihadkan kepada hanya 90 hari walaupun tempoh latihan mungkin melangkaui tempoh itu.

Itu antara perincian mengenai elaun latihan praktikal di institusi jabatan, dalam satu surat dikeluarkan bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Borhan Dolah bertarikh 6 September lalu.

Surat itu yang dilihat *BH* menjelaskan peraturan, syarat dan prosedur yang perlu dipatuhi semua jabatan kerajaan dalam melaksanakan pembayaran kadar

baharu elaun itu, yang berkuat kuasa 1 September lalu.

Antara syarat yang dijelaskan dalam surat itu ialah pelajar yang menjalani latihan praktikal di jabatan kerajaan perlu mengikut tempoh ditetapkan universiti masing-masing.

Selain itu, pelajar yang menjalani latihan praktikal di institusi kerajaan juga hanya akan menerima bayaran elaun pada hari bekerja sahaja, selain tidak layak dibayar elaun lebih masa.

Elaun baharu itu juga mem-

batalkan Elaun Latihan Amali yang diterima oleh pelajar tajaan kerajaan.

Bulan lalu, Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, mengumumkan kerajaan bersetuju meningkatkan kadar elaun latihan praktikal itu daripada RM300 sebulan kepada kira-kira RM900 sebulan, atau RM1.60 sejam kepada RM5 sejam.

Pada 25 Julai lalu, Syed Saddiq dilaporkan berkata, Kabinet bersetuju memperkenalkan semula pembayaran elaun kepada pelatih

praktikal yang berkhidmat di bawah kerajaan.

Ahli Parlimen Muar itu dilaporkan berkata, skim pembayaran kepada pelatih akan dinilai mengikut beberapa kriteria yang akan ditetapkan dan ia akan dilaksanakan bagi kemudahan pelatih.

"Ini adalah permulaan kepada dasar untuk mewajibkan latihan praktikal berbayar dan saya berharap ia akan ditetapkan sebagai satu standard di Malaysia yang merentasi sektor awam dan swasta," katanya.